



Halangan motosikal yang dibina sukarkan pengguna OKU penglihatan dan pengguna kerusi roda ketika tinjauan sekitar Kuala Lumpur.



(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Halangan motosikal tidak mesra pengguna OKU

Kuala Lumpur: Orang awam mempersoal reka bentuk halangan motosikal yang dibina di laluan pejalan kaki berhampiran persimpangan Jalan Kamunting di ibu negara yang menyukarkan pergerakan orang kurang upaya (OKU) penglihatan dan berkerusi roda.

Timbalan Presiden Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia, Mohd Fekkeri Mat Jusoh, berkata reka bentuk halangan itu bukan sahaja menyukarkan pergerakan OKU penglihatan, bahkan mengundang bahaya kepada mereka.

“Rekaan halangan itu tidak membantu OKU penglihatan walaupun itu mahu menghalang motosikal.

“Ia juga akan mendatangkan risiko berbahaya memandangkan pergerakan mereka melalui sentuhan menggunakan hujung tongkat ataupun kaki mereka,” katanya.

Tinjauan BH juga mendapati laluan *tactile* di kebanyakan laluan pejalan kaki tidak diselenggara serta dijadikan tempat letak motosikal dan tapak perniagaan.

Mohd Fekkeri berkata, kerosakan *tactile* pada laluan pejalan kaki itu menyukarkan pergera-

kan OKU penglihatan di sekitar Kuala Lumpur.

“Bukan semua tempat ada laluan pejalan kaki. Laluan jalan kaki sedia ada pun mempunyai kerosakan *tactile* dan dijadikan tempat letak motosikal.

“Ada juga peniaga buka kedai di atas laluan pejalan kaki serta menghalang pergerakan OKU penglihatan yang menggunakan *tactile* di situ,” katanya.

BH menghubungi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) namun tiada maklum-balas setakat petang semalam.

Sementara itu, Pengerusi

Jawatankuasa Aksesibiliti Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia, Dr Lim Tian Hong, berkata kemudahan *tactile* perlu diselenggara secara berkala di setiap pejalan kaki supaya mudah digunakan oleh OKU penglihatan.

“Semua kemudahan perlu diselenggara setiap kali dibina. Mana mungkin satu kemudahan akan bertahan dalam keadaan baik untuk selama-lamanya.

“Kerosakan *tactile* berlaku apabila kenderaan seperti motosikal kerap menaiki laluan pejalan kaki itu dan menjadi lebih teruk jikalau

tiada pengawalan ketat ke atas tindakan mereka,” katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa perlu menguatkuasakan undang-undang bagi mengatasi masalah pergerakan penglihatan OKU di laluan *tactile*.

“Pihak berkuasa perlu buat pemeriksaan secara berkala dan ambil tindakan tegas terhadap pengguna motosikal yang menggunakan laluan itu serta meletakkan kenderaanya di situ.

“Peniaga yang berniaga di kawasan itu juga perlu diambil tindakan kerana mengganggu laluan OKU penglihatan,” katanya.